

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 44

Di bawah ialah penyata kedudukan kewangan Perniagaan Rajni:

Perniagaan Rajni Penyata kedudukan kewangan pada 31 Mac 2017			
	RM		RM
Premis	45,000	Modal	61,200
Perabot	6,800	Akaun belum bayar	10,000
Inventori	12,400	Pinjaman	2,100
Akaun belum terima	3,500		
Bank	5,600		
	<u>73,300</u>		<u>73,300</u>

Urus-urus niaga di bawah telah berlaku sepanjang bulan April 2017:

Tarikh	Urus niaga
2017	
April 1	Mengeluarkan cek RM800 untuk kegunaan pejabat.
4	Menjual 1/8 daripada inventori pada harga RM2,250 dan menerima cek.
5	Mendermakan perabot lama yang bernilai RM720 kepada rumah anak yatim.
9	Menerima cek daripada akaun belum terima RM830 selepas ditolak diskaun tunai sebanyak RM30.
13	Membayar ansuran pinjaman RM1,200, termasuk faedah atas pinjaman sebanyak RM200, secara cek.
16	Membeli barang niaga berjumlah RM1,150 secara kredit daripada Wawasan Trading.
18	Wawasan Trading mengenakan caj angkutan sebanyak RM60.
21	Jualan barang niaga secara kredit kepada Kekwa Traders pada harga RM1,680. Kos barang dijual ialah RM1,120.
22	Menerima sewa dari penyewa sebahagian daripada premis, RM500 tunai.
24	Membayar upah pembantu secara cek RM750.
24	Jualan tunai RM260. Kos jualan ialah RM100.
28	Seorang akaun belum terima diisytiharkan sebagai muflis. Baki akaunnya sebanyak RM220 telah dihapuskan.
30	Pindahan kontra dari lejar belian ke lejar jualan telah dilakukan bagi jumlah RM130.
30	Perabot telah dinilai semula kepada RM6,000.

Dikehendaki:

- (a) Melengkapkan jadual yang diberikan di bawah dengan merekodkan semua urusaniaga di atas.

	Premis	Perabot	Akaun belum terima	Inven- tori	Bank	Tunai	Akaun belum bayar	Pinja- man bank	Modal	Untung bersih
2017	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki pada April 1										
1										
4										
5										
9										
13										
16										
18										
21										
22										
24										
24										
28										
30										
30										
Baki pada April 30										

- (b) Sediakan semula penyata kedudukan kewangan perniagaan ini pada 30 April 2017 setelah perkara-perkara di atas diambil kira.